

D302

U B245 AAB
MAHATHIR - AFRIKA
(I)

KUALA LUMPUR, 22 MAC (BERNAMA) -- MALAYSIA HARI INI MENGULANGI SOKONGANNYA TERHADAP PERJUANGAN RAKYAT AFRIKA SELATAN UNTUK MENGHAPUSKAN APA JUA BENTUK DISKRIMINASI KAUM DAN PERBEZAAN WARNA KULIT DI TANAH AIR MEREKA.

DALAM PERUTUSANNYA SEMPENA HARI ANTARABANGSA BAGI PENGHAPUSAN DISKRIMINASI KAUM, PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PERISTIWA INI YANG JUGA SEMPENA ULANGTAHUN KE 26 PERISTIWA PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI DI SHARPEVILLE, MEMBERI PELUANG UNTUK MENGULANGI KOMITMEN MALAYSIA BAGI MENGHAPUSKAN +SISTEM YANG TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN ITU DENGAN APA CARA JUA+.

LANGKAH INI BERTUJUAN MEMPERCEPATKAN PENUBUHAN SEBUAH MASYARAKAT YANG DEMOKRATIK DAN TIDAK BERPERKAUMAN DI AFRIKA SELATAN SEPerti YANG DITEGASKAN DALAM BANYAK KETETAPAN PERHIMPUNAN AGUNG DAN MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU, TAMBAH BELIAU.

DR MAHATHIR BERKATA PERISTIWA NGERI YANG TERCETUS 26 TAHUN LEPAS DI SHARPEVILLE MENUNJUKKAN KEPADA DUNIA BAHAWA REJIM PERKAUMAN AFRIKA SELATAN BERSUNGGUH-SUNGGUH HENDAK MENERUSKAN SISTEM DISKRIMINASI PERKAUMAN MEREKA.

SEJARAH TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA AZAM UNTUK MENDAPATKAN KEBEBASAN DAN KESAKSAMAAN TIDAK MUNGKIN DITUNDUKKAN OLEH SEBARANG PERUNDANGAN DAN KEKERASAN, TEGAS BELIAU. -- LAGI
2104MST 22 03 86

D307

U B246 AAB

MAHATHIR - AFRIKA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA KEKACAUAN YANG BERTERUSAN DAN KEADAAN YANG TIDAK STABIL DI AFRIKA SELATAN MELETUS OLEH DASAR APARTEIH DAN DISKRIMINASI KAUM YANG DIKUATKUASAKAN OLEH REJIM PRETORIA.

+BERIBU-RIBU SAUDARA KITA DI AFRIKA TELAH MENGORBANKAN JIWA MEREKA UNTUK KEADILAN DAN PERJUANGAN BAGI MEWUJUDKAN PERSAMAAN DAN KEADILAN KAUM DI TANAH AIR MEREKA.

+SELAGI REJIM PRETORIA MENGEKALKAN SISTEM BURUK INI, SELAMA ITULAH KEAMANAN TIDAK AKAN WUJUD DI AFRIKA SELATAN,+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA REJIM PRETORIA BEBERAPA KALI BERJANJI HENDAK MENGUBAH DASARNYA, TETAPI IA CUMA JANJI-JANJI KOSONG YANG DIBUAT UNTUK MENGELIRUKAN PENDAPAT UMUM DI NEGARA-NEGARA YANG BERSAHABAT DENGAN MEREKA.

UNTUK MEMBAWAKAN PERUBAHAN INI ADALAH BERPADANAN JIKA TEKANAN LEBIH BERAT DIKENAKAN KE ATAS REJIM ITU, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU MASYARAKAT ANTARABANGSA MENGAMBIL TINDAKAN BERSAMA DENGAN MENYOKONG RESOLUSI-RESOLUSI YANG DIBUAT OLEH BANGSA-BANGSA BERSATU DAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA YANG LAIN UNTUK MEMAKSA REJIM ITU MENGHAPUSKAN CIRI-CIRI KETIDAKADILAN YANG BERLELUASA DI NEGARA ITU SEKARANG. --
BERNAMA

2113MST 22 03 86